



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

PERSIAPAN MENGHADIRI PERSIDANGAN COP 28 MELALUI PENUBUHAN PANEL PENASIHAT PERUBAHAN IKLIM

Pada hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Panel Penasihat Perubahan Iklim. Mesyuarat tersebut telah membincangkan gerak kerja bagi panel penasihat yang akan memainkan peranan dalam memberikan khidmat nasihat dan panduan kepada delegasi negara di Persidangan Negara Ahli ke-28 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau 28th Conference of the Parties to the *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC COP 28) dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perubahan iklim.

Pada hari ini juga, saya turut menyampaikan watakah pelantikan kepada ahli panel penasihat. Penubuhan panel penasihat ini adalah sebahagian daripada usaha Kementerian bagi memastikan penyertaan negara ke persidangan COP 28 akan memberi manfaat dan nilai tambah kepada negara.

Ini juga merupakan komitmen dan sumbangan negara kepada usaha global ke arah mengurangkan pelepasan gas rumah kaca dan meningkatkan daya tahan ke atas kesan perubahan iklim.

Panel Penasihat Perubahan Iklim ini dianggotai oleh 34 ahli terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubahan iklim dan wakil daripada pelbagai sektor, antaranya daripada kementerian, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, syarikat utiliti, ahli industri, pakar akademik serta bukan akademik.

Ahli panel penasihat ini akan menyumbang idea dan pandangan berdasarkan enam (6) kluster utama iaitu Ekonomi dan Kewangan, Perdagangan dan Perindustrian, Sumber Asli, Tenaga, Pembangunan Lestari serta Teknologi dan Inovasi.

Panel penasihat ini juga akan bertindak sebagai penghubung di antara Kerajaan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti peneraju atau pemain industri, sektor kewangan dan perbankan, kerajaan negeri dan komuniti.

Penubuhan Panel Penasihat Perubahan Iklim adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan agenda perubahan iklim negara dapat diurusperdanakan menerusi *whole of nation approach*.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
6 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

